

Pelajar UMSKAL tonjol kebudayaan India

LABUAN: Malam Kebudayaan India (ICN) 2014 anjuran pelajar India Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) adalah platform terbaik pelajar India menonjolkan kebudayaan mereka kepada masyarakat lain di Wilayah Persekutuan Labuan.

Timbalan Menteri Pendidikan II P Kamalanathan a/l P Panchanathan berkata, semangat pelajar India menganjurkan malam budaya itu bukan sahaja dapat menjalinkan hubungan lebih rapat dalam kalangan masyarakat India sendiri tetapi juga memberi peluang kepada kaum lain mengenali lebih rapat keunikan budaya kaum ketiga terbesar di

negara itu.

Katanya, para pelajar seharusnya berasa bangga dengan usaha mereka menganjurkan malam kebudayaan itu kerana ia dilihat sebagai mengekalkan warisan zaman berzaman kaum India.

"Penganjuran malam budaya India juga adalah kejayaan pelajar UMSKAL menyemarakkan program bercorak kebudayaan di negarainisekaligusberkongsi kebudayaan mereka dengan pelajar luar negara yang menuntut di kampus itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Malam Budaya India UMSKAL 2014 ke-10 di Dewan Konvovskyen Kompleks Ujana Kewangan

Labuan, malam Sabtu lalu.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur, Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli, Ahli Dewan Negara Senator Datuk Yunus Kurus dan Pengurus MIC Sabah Datuk V Jothi.

Hadir sama Timbalan Pengarah UMSKAL Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarah Prof Madya Dr Ismail Ali, Pengurus MIC Labuan Ramasamy Rengasamy dan Pengarah Program ICN Saravanakumar Kannan.

Pada majlis itu, pelajar menampilkan tarian dan nyanyian masyarakat India yang menceriakan kira-kira 1,000 hadirin termasuk

pemimpin masyarakat, komuniti India dan pelajar UMSKAL.

Kamalanathan berkata, selaras dengan usaha kerajaan yang ingin menjadikan rakyat Malaysia lebih bertoleransi dan penyayang, program seumpama itu sangat baik dalam memupuk sifat menghormati budaya kaum lain terutama golongan mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin negara di masa depan.

Pada masa sama, beliau menggesa pelajar dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya mengambil ruang dan peluang untuk mempelajari adat dan budaya masyarakat setempat dan mengunjungi tempat-tempat menarik dan bersejarah di pulau bebas cukai itu.



PEMENANG ratu cantik ICN 2014 merakam kenangan bersama Kamalanathan.



KAMALANATHAN (empat kanan), Rozman (tiga kiri), Yunus (tiga kanan) dan Kassim (kiri) merasmikan Malam Kebudayaan India UMS Kampus Antarabangsa Labuan Ke-10.



KAMALANATHAN (tengah) dan Rozman (tiga kiri) memotong kek sempena majlis perasmian Malam Kebudayaan India UMSKAL di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan Labuan.

